

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 MAY 2015

PM arah Shabery tangani isu kad prabayar

BT-275/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam mengarahkan Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk mengendalikankan isu berkaitan kad tambah nilai prabayar.

Tegas Perdana Menteri, hanya menteri berkenaan iaitu Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang boleh membuat sebarang kenyataan berhubung perkara itu.

“Shabery Cheek Please take charge of the topup issue. Mulai sekarang, sebarang pengumuman kepada rakyat hanya boleh dibuat oleh Menteri KKMM sahaja,” kata Najib di laman Facebook dan Twitter miliknya, semalam.

Penetapan semula harga

Sebelum ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengarahkan syarikat telekomunikasi untuk menetapkan semula harga kad prabayar telefon kepada harga asal iaitu seperti sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April.

Bagaimanapun, arahan yang sepatutnya berkuat kuasa semalam ditangguhkan selepas Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Halim Shafie membuat kenyataan pada Rabu bahawa isian semula telefon prabayar akan terus dijual dengan dikenakan GST.

BERNAMA